

23/06/1998

Pengalaman seorang pemimpin

Mior Kamarul Shahid

RABU minggu lalu, kita dengar ramai yang agak gusar dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau menasihatkan perwakilan bertanggungjawab terhadap sebarang ucapan mereka. Sesetengah orang mentafsirkan kenyataannya itu sebagai 'ugutan' kepada perwakilan yang akan berhujah pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda, Wanita dan Perhimpunan Agung Umno. Kita mendengar juga perbualan beberapa perwakilan yang mengatakan kebebasan bersuara dalam parti sudah ditutup rapat, sedangkan kata mereka, perhimpunan agung adalah gelanggang untuk mereka memberi pandangan secara terbuka. Ada juga yang mengandaikan Dr Mahathir sengaja berbuat demikian kerana mahu menutup isu kronisme dan nepotisme kerana bimbang banyak rahsia akan terbongkar.

Di kalangan perwakilan yang ketika itu sudah berkumpul di hotel di ibu negara, tidak ada perkara lain yang dibincangkan. Perkataan kronisme dan nepotisme menjadi popular sekelip mata. Tidak kurang juga timbul senda gurau di kalangan mereka. Sesiapa saja yang lalu lalang atau ditemui di lobi hotel diberi jolokan kroni si polan-si polan. Ada juga sesetengahnya tanpa segan silu memperkenalkan dirinya sebagai kroni si polan dan si polan. Maka, timbullah gelak ketawa yang tidak terhingga. Ketika itu kita sudah nampak isu kronisme dan nepotisme, mula menjadi bahan senda gurauan.

Ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno keesokannya, ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi tetap membangkitkan isu kronisme dan nepotisme, tetapi dengan nada yang terkawal. Maka, ramailah pula orang mentafsirkan jika tidak ada amaran daripada Presiden Umno sehari sebelum itu, Zahid mungkin bercakap lebih keras lagi. Kemungkinan juga, Zahid akan mendedahkan nama orang tertentu untuk menguatkan hujahnya berhubung isu kronisme dan nepotisme. Ketika perbahasan juga, ada perwakilan Pemuda yang bercakap mengenai isu itu tetapi hanyalah sekadar menyentuhnya secara kasar. Seorang perwakilan Pemuda ketika berucap, secara tidak langsung, mengakui beliau agak keliru. Kita percaya beliau sudah pun menyiapkan teks ucapan yang mungkin agak keras. Tetapi, setelah mendengar nasihat Dr Mahathir, beliau terpaksa bercakap tanpa teks. Bayangkanlah untuk bercakap tanpa teks di perhimpunan yang besar seperti itu, mungkin berpeluh-peluh jika tidak ada panduan yang jelas terutamanya jika pertama kali berpeluang berucap di depan khalayak Umno. Khalayak Umno boleh memberi tepukan gemuruh dan pada masa yang sama mereka juga boleh memberi reaksi negatif.

Walaupun isu kronisme dan nepotisme dibangkitkan, malah menjadi isu paling hangat, seluruh pergerakan Pemuda tetap memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir. Tidak ada tanda-tanda penentangan terhadap kepemimpinan Umno. Apa yang mereka mahu ialah wujudnya ketelusan dalam pemberian habuan kepada individu dan syarikat.

Dalam perhimpunan agung Umno yang bermula Jumaat, walaupun isu kronisme dan nepotisme dibangkitkan dengan begitu panas, tapi isi ucapan perwakilan lebih terdorong kepada penafian terhadap wujudnya gejala itu dalam pentadbiran Umno dan kerajaan. Malah, perwakilan membela Umno dan kerajaan dengan alasan amalan kronisme dan nepotisme dalam konteks Malaysia berjaya mengagihkan projek, saham dan permit import kepada ramai Bumiputera. Sepatutnya, kata mereka, kita harus berbangga dengan kejayaan yang dilaksanakan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pada hari pertama perhimpunan agung Umno itu, begitu jelas dirasakan angin yang ditiup oleh pergerakan Pemuda, sudah beralih arah. Semua ini

berlaku setelah Dr Mahathir memperbetulkan tanggapan salah dan kekeliruan berhubung isu itu. Isu kronisme dan nepotisme terus dimatikan dengan pengedaran senarai nama individu dan syarikat yang memperolehi projek penswastaaan, saham dan permit oleh kerajaan. Sebaik saja senarai itu diedarkan, ramai yang gelabah kerana tindakan Dr Mahathir itu dilihat sebagai tindakan marah seorang pemimpin. Maka, ramailah yang membuat andaian Dr Mahathir sengaja mahu mendedahkan bahawa mereka yang bercakap mengenai isu itu jugalah sebenarnya mereka yang mendapat untung daripada amalan kronisme dan nepotisme. Menurut mereka, Dr Mahathir mahu memalukan mereka terbabit. Sekali lagi Dr Mahathir bertindak menghalang anggapan buruk itu daripada tersebar luas. Rupa-rupanya matlamat Dr Mahathir ialah untuk menjelaskan kepada umum betapa senarai yang panjang itu menunjukkan bahawa begitu ramai rakyat yang turut mendapat faedah daripada DEB. Salahkah amalan kronisme dan nepotisme jika tujuannya ialah untuk memperkayakan orang Melayu? Apa yang jelas, tidak ada motif politik yang terselindung.

Sekarang barulah kita faham mengapa Dr Mahathir mahu anggota parti bertanggungjawab terhadap kenyataan mereka. Beliau tidak mahu perwakilan menghadapi masalah yang sia-sia atas tuduhan fitnah atau cubaan menghasut. Seandainya beliau tidak menasihatkan perwakilan awal-awal lagi, ramailah peguam yang menunggu kesalahan yang mungkin dilakukan oleh perwakilan. Ini kerana fakta yang salah terhadap individu atau syarikat boleh menyebabkan orang berkenaan mendapat malu dan kredibilitinya terjejas. Mereka berhak mendapat pembelaan di mahkamah. Dr Mahathir boleh membaca bahawa perwakilan tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk membangkitkan isu itu. Daripada membiarkan mereka menghadapi tuduhan saman, lebih baiklah mereka tidak membangkitkan isu itu. Inilah yang kita katakan pengalaman seorang pemimpin yang tidak ada tolok bandingnya.

(END)